



# SIARAN MEDIA

## KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 3/2024

### KBS ANJURKAN SESI PERBINCANGAN MEJA BULAT BERKAITAN PEMBUDAYAAN SUKAN DALAM KALANGAN WARGA EMAS

---

1. Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh telah mempengerusikan **Sesi Perbincangan Meja Bulat (RTD) Berkaitan Pembudayaan Sukan dalam Kalangan Warga Emas** bertempat di Menara KBS, Putrajaya hari ini.
2. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2023, populasi penduduk Malaysia yang berumur 60 tahun ke atas kini mencecah 11.1 peratus. Statistik ini dijangka meningkat **kepada 15 peratus menjelang tahun 2030 menjadikan Malaysia dikategorikan sebagai sebuah negara menua**, menurut definisi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
3. Sehubungan dengan itu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sedang mengambil langkah proaktif dengan mengalakkan **sukan dalam kalangan warga emas** untuk memastikan kesihatan fizikal, rohani dan mental golongan ini terpelihara. Usaha KBS ini selari dengan **pendekatan mencegah lebih baik daripada mengubati** bagi penyakit tidak berjangkit (*non communicable diseases* – NCD), serta diharapkan dapat mengurangkan beban bil perubatan yang tinggi kepada Kerajaan.
4. Sesi ini diadakan adalah untuk **mendapatkan pandangan, idea dan maklum balas daripada pemegang taruh sukan warga emas** termasuk daripada jabatan/agensi Kerajaan, sektor swasta, badan sukan, dan pertubuhan bukan kerajaan.
5. Input yang diterima ini diharapkan dapat membantu KBS melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) untuk:
  - 5.1 membina jaringan **kerjasama strategik bersama pemegang taruh** seterusnya menyokong usaha pemeraksanaan pembangunan

sukan untuk semua (*sports for all*), termasuk dalam kalangan warga emas;

- 5.2 membangunkan **program dan aktiviti pembangunan sukan untuk semua yang inklusif, berkesan dan berterangkum**; dan
  - 5.3 menyokong hasrat Kerajaan untuk meningkatkan **kualiti hidup dan kesejahteraan** warga emas.
6. Penganjuran sesi ini turut menyumbang kepada **pemeriksaan pembangunan sukan untuk semua** seiring dengan kerangka **Malaysia MADANI dan Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030)**.
  7. Sesi ini turut dihadiri oleh **Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu** dan **Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad**. Senarai penuh pemegang taruh yang turut hadir ke RTD adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  8. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi sekretariat di talian **03-8871 3102** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**8 Februari 2024**

## LAMPIRAN A

### SENARAI PEMEGANG TARUH SESI MEJA BULAT BERKAITAN PEMBUDAYAAN SUKAN DALAM KALANGAN WARGA EMAS

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
2. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
3. Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB)
4. *Malaysian Research Institute on Ageing*, Universiti Putra Malaysia
5. Myageing Institution (Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia)
6. *Founder Kampungku*
7. Bone Health Alliance Malaysia
8. Imm Carehub
9. Persatuan Alumni Bekas Anggota Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
10. Kelab Rekreasi Veteran
11. Persatuan Tai Chi Qigong Selangor dan Wilayah Persekutuan
12. Persekutuan Wushu Malaysia
13. Persatuan Pickleball Malaysia
14. Persekutuan Renang Malaysia
15. Persatuan Woodball Malaysia
16. Kongres Tenpin Boling Malaysia (MTBC)
17. Malaysia American Football Association
18. Touch Rugby
19. Persatuan Karom Malaysia
20. Persekutuan Angkat Berat Malaysia
21. Walking Football
22. Persatuan Golf Profesional Malaysia
23. Persatuan Lawn Tennis Malaysia
24. Persekutuan Mendaki Malaysia
25. Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia
26. Kesatuan Olahraga Malaysia
27. Persatuan Olahraga Master Malaysia
28. Sin Chew Foundation

*\*Tertakluk kepada perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa.*